

MAHATHIR - HARI JADI
(1)

1783

KUALA LUMPUR, 20 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD YANG BERUSIA 58 TAHUN HARI INI MENYAMBUT ULANGTAHUN HARI JADINYA DI PEJABAT DENGAN MELAKSANAKAN TUGAS-TUGAS HARIANNYA SEPERTI BIASA.

"SELAMAT HARI JADI, DATUK," DEMIKIAN DIUCAPKAN OLEH KAKITANGAN DI PEJABATNYA KETIKA PERDANA MENTERI TIBA KIRA-KIRA PUKUL 7.30 PAGI UNTUK MEMULAKAN TUGAS.

SETELAH MERAKAMKAN WAKTU KEDATANGANNYA, DATUK SERI DR MAHATHIR TERUS KE PEJABATNYA DAN TIDAK LAMA KEMUDIAN SATU MAJLIS RINGKAS DIADAKAN.

SELESAI SAHAJA DOA SELAMAT DIBACAKAN DAN PULUT KUNIG DIHIDANGKAN PERDANA MENTERI KEMBALI SEMULA BEKERJA.

BAGI DATUK SERI DR MAHATHIR ULANGTAHUN HARI JADINYA KALI INI SUDAH PASTI ISTIMEWA SEDIKIT TERUTAMA DENGAN KEJAYAAN BELIAU MENYELESAIKAN ISU PINDAAN PERLEMBAGAAN. -- LAGI 1253/II

ZCZC B523

MAHATHIR - HARI JADI 2 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGA MENERIMA BEBERAPA KAD SELAMAT HARI JADI.

ANTARANYA IALAH DARI SETIAUSAHA AGUNG, MCA, TAN SRI CHONG HON NYAN, YANG JUGA MENTERI KESIHATAN.

TAN SRI CHONG, BAGI PIHAK MASYARAKAT CINA DI NEGARA INI, MENGUCAPKAN AGAR DATUK SERI DR MAHATHIR "PANJANG UMUR DAN MENERUSKAN PIMPINANNYA DENGAN BERJAYA." -- BERNAMA 1257/II